

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Mohd Najib Abdul Ghafar &
Choong Yoon Weng
Jabatan Asas Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini ialah untuk mengkaji perkaitan antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tiga aspek yang dikaji adalah tahap pengurusan masa pelajar UTM, pencapaian akademik pelajar UTM dan perkaitan antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar UTM. Seramai 220 aliran pelajar perdana yang sedang mengikuti kursus di 10 fakulti di kampus induk UTM telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini. Maklumat kajian dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang telah dibuat berdasarkan teori pengurusan masa yang disarankan oleh Ralph Lewis (1991). Maklumat yang dikumpulkan ini dianalisis dengan menggunakan "Statistical Package for the Social Sciences" (SPSS) untuk mendapatkan peratusan dan purata min bagi setiap item dalam tiga aspek tersebut. Secara umum, kajian mendapati pelajar UTM mempunyai pola pengurusan masa dan tahap pencapaian akademik yang baik. Di dapati pelajar yang mempunyai pengurusan masa yang baik adalah mereka yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Namun demikian, terdapat juga segelintir pelajar yang mempunyai pencapaian akademik cemerlang tetapi mempunyai pengurusan masa yang sederhana sahaja. Jadi dapat dilihat bahawa memang terdapat kaitan antara pengurusan masa berkesan dengan pencapaian akademik cemerlang seseorang pelajar.

PENGENALAN

Setiap manusia mempunyai masa yang sama banyak, iaitu sebanyak 24 jam sehari. Namun demikian, ramai manusia yang merungut masa yang telah diberikan kepada mereka ini masih tidak mencukupi. Justeru itu, adalah penting untuk mengetahui kaedah yang berkesan untuk menguruskan masa kita. Para pelajar di institusi pengajian tinggi patut mengetahui cara yang efektif untuk menggunakan masa. Ini adalah kerana tempoh masa pelajar di dalam universiti adalah terhad disebabkan sibuk dengan aktiviti akademik, ko-kurikulum dan sosial. Selain itu, pencapaian akademik adalah sangat penting kerana kegagalan ini akan mengancam masa depan mereka. Pelajar yang tidak pandai menguruskan masa boleh mengganggu pencapaian akademik mereka. Oleh itu, adalah amat penting untuk seseorang pelajar menguruskan masa dengan berkesan supaya ia tidak meninggalkan kesan negatif terhadap pencapaian akademik mereka.

LATARBELAKANG MASALAH

Pada zaman yang maju ini, masyarakat amat memandang tinggi kepada mereka yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan ramai manusia berebut-rebut untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru itu, pencapaian akademik yang tinggi telah menjadi sasaran oleh semua pelajar sama ada di peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi.

Menurut Marimuthu (1990), pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor diri sendiri, rakan sebaya, keluarga dan persekitaran pelajar. Dalam faktor diri sendiri, pelajar itu sendiri haruslah mempunyai disiplin yang tinggi untuk mengawal aktiviti pembelajaran, ko-kurikulum dan sosial. Kesemua ini memerlukan pelajar tahu tentang kemahiran menguruskan masa dengan baik. Suradi (1991) menyatakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik ialah faktor kecerdasan, kualiti pembelajaran, kedudukan sosial-ekonomi, kecukupan lengkapan, kemudahan belajar, pengurusan masa, motivasi, sikap dan keadaan persekitaran.

Noraini (1994) pula, pernah menyatakan bahawa pelajar perlu mengetahui kaedah pengurusan masa yang baik. Ini adalah kerana pengurusan masa akan menyedarkan pelajar tentang kepentingan masa dalam kehidupan mereka dan seterusnya akan dapat mengelakkan mereka daripada terlibat dalam hal-hal yang tidak mendatangkan manfaat. Di sini kita boleh melihat akan kepentingan pengurusan masa dalam mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Pengurusan masa yang berkesan juga dapat mengelakkan pelajar daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti lepak dan bermain permainan video di pusat hiburan.

Lewis (1991), membahagikan kemahiran pengurusan masa kepada lima kategori kemahiran asas iaitu kemahiran kemanusiaan, kemahiran merancang, kemahiran membuat, motivasi sendiri dan inovasi. Dalam kategori kemahiran kemanusiaan, pelajar seharusnya mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya dan pensyarah.

Kemahiran merancang pula memerlukan pelajar yang boleh menguruskan aktiviti akademik dan peribadi dengan teratur. Pelajar yang mempunyai kemahiran membuat pula harus boleh melaksanakan aktiviti yang telah dirancangan tanpa sikap menanggungkan kerja. Kategori motivasi sendiri memerlukan pelajar yang dapat memperangsangkan dirinya untuk melakukan sesuatu aktiviti dan motivasi sendiri ini boleh dirangsangkan oleh motif dan insentif. Pelajar yang tergolong dalam kategori inovasi harus mempunyai sikap untuk membuat sesuatu kerja yang ada dengan lebih baik.

PERNYATAAN MASALAH

Pada peringkat institusi pengajian tinggi, prestasi akademik adalah amat penting dalam menentukan kelas ijazah yang akan mereka perolehi apabila mereka tamat pengajian nanti.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Namun demikian, selain daripada belajar mereka juga digalakkan untuk menyertai kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang lain. Ini boleh mengganggu pembelajaran mereka dari segi akademik, terutama bagi mereka yang tidak tahu menguruskan masa. Sehubungan itu, pengkaji ingin membuat tinjauan mengenai perkaitan antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut iaitu untuk meninjau tahap pengurusan masa pelajar UTM, untuk meninjau pencapaian akademik pelajar UTM, untuk mengkaji perkaitan antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar UTM.

Dalam kajian ini pengurusan masa dimaksudkan pengurusan sumber-sumber dengan sesuatu cara yang berkesan, termasuklah masa supaya dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan dengan selesa (Jack, 1980). Perancangan penggunaan masa yang berkesan sama ada secara harian, mingguan atau jangka panjang untuk membenarkan masa digunakan dalam aktiviti kuliah, belajar, riadah, tanggungjawab peribadi dan rehat (Good,1973). Merupakan satu proses peribadi dan mestilah bersesuaian dengan gaya hidup dan keadaan seseorang agar mendapat manfaat yang paling maksimum (Marion,1989). Adalah pembahagian masa yang cukup bagi tiap-tiap kerja yang perlu diselesaikan serta berguna dalam merancang aktiviti-aktiviti yang lain (Kalish, 1979). Pengurusan masa adalah satu proses menguruskan kerja untuk mendapatkan hasil yang lebih baik dari masa yang telah kita gunakan untuk melakukan kerja tersebut (Richard,1985). Pencapaian akademik pula merujuk kepada pencapaian akademik pelajar UTM dalam tempoh pengajian mereka berdasarkan kepada keputusan GPA/CPA.

METODOLOGI

Kajian adalah dalam bentuk tinjauan iaitu kajian diskriptif yang bertujuan mengkaji lima aspek kemahiran pengurusan masa iaitu kemahiran kemanusiaan, kemahiran merancang, kemahiran membuat, motivasi sendiri dan inovasi yang disarankan oleh Teori Pengurusan Masa Lewis (1991). Populasi kajian terdiri daripada pelajar sepenuh masa tahun 1, 2, 3, 4 dan 5 yang mengikuti kursus di 10 buah fakulti di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim yang dipilih secara sampel rawak mudah. Fakulti Kejuruteraan Awam mempunyai responden yang paling ramai iaitu 13.6%, diikuti dengan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal 12.7%, Fakulti Kejuruteraan Elektrik 11.4%, Fakulti Pendidikan 10.0%, Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat 10.0%, Fakulti Sains Geoinformasi 9.1%, Fakulti Pengurusan Sumber Manusia 9.1%, Fakulti Kejuruteraan Kimia 9.1%, Fakulti Sains 8.6% dan Fakulti Alam Bina 6.4%. Majoriti responden adalah dari tahun satu iaitu 27.7%, diikuti dengan responden tahun empat 26.4%, responden tahun dua 24.5% dan tahun tiga 21.4%.

Sebanyak 84.5% responden menggunakan keputusan SPM untuk memasuki UTM, 8.2% responden menggunakan keputusan SPVM dan hanya 7.3% responden dengan kelayakan Diploma. Manakala umur responden, 40.9% responden berumur di antara 19-20 tahun, 28.2% responden berumur 17-18 tahun, 25.5% responden berumur 21-22 tahun dan 5.5% responden berumur lebih dari 22 tahun. Sebanyak 44.1% responden adalah berbangsa Melayu, bangsa Cina

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

28.6%, bangsa India 16.8% dan lain-lain bangsa 10.5%. Responden lelaki adalah sebanyak 60.0% dan responden perempuan 40.0%. Didapati juga, 76.7% responden adalah datang dari sekolah harian, 9.3% dari sekolah berasrama penuh dan 14.0% dari sekolah teknik dan vokasional. Bagi pencapaian akademik, majoriti responden mempunyai CPA/GPA baik iaitu 3.0-3.49, dituruti dengan pencapaian CPA/GPA sederhana 2.5-2.99 sebanyak 25.6%, 17.1% responden pencapaian CPA/GPA cemerlang 3.5-4.0 dan 3.1% responden pencapaian CPA/GPA lemah iaitu kurang dari 2.5. Kajian ini telah dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia pada Disember 1999 hingga Mac 2000.

Instrumen kajian ialah satu set soal selidik yang terdiri daripada 40 item soalan yang berkaitan dengan kemahiran pengurusan masa. Kemahiran pengurusan masa ini telah dipecahkan kepada lima kategori iaitu kemahiran kemanusiaan, kemahiran merancang, kemahiran membuat, motivasi sendiri dan inovasi. Setiap kategori ini mengandungi lapan soalan yang telah diletakkan secara rawak dalam soal selidik seperti di dalam Jadual 1.

JADUAL 1: JADUAL PENENTUAN UJIAN SOAL SELIDIK

Kemahiran Pengurusan Masa	Nombor Item	
	Positif Item	Negatif Item
1. Kemahiran Kemanusiaan	2, 14, 28, 30	1, 5, 33, 15
2. Kemahiran Merancang	3, 29, 36, 40, 21	13, 4, 12
3. Kemahiran Membuat	10, 11, 23	9, 20, 22, 31, 32
4. Motivasi Kendiri	7, 16, 19, 25, 27, 18	8, 39
5. Inovasi	6, 26, 37, 35	38, 34, 17, 24

Seramai 15 orang responden dari Fakulti Pendidikan di UTM telah dilibatkan dalam kajian rintis yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Pekali kebolehpercayaan ditunjukkan oleh alpha bagi setiap persoalan yang ada pada lima kemahiran pengurusan masa adalah untuk Kategori Kemahiran Kemanusiaan 0.71, Kemahiran Merancang 0.70, Kemahiran Membuat 0.77, Motivasi Kendiri 0.76 dan Inovasi 0.73. Nilai-nilai ini dianggap sederhana tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Kemahiran Pengurusan Masa Kategori Kemahiran Kemanusiaan

Terdapat 8 item yang telah digunakan bagi menguji kategori kemahiran kemanusiaan dan didapati responden menunjukkan maklumbalas yang baik di dalam item 1, 2, 14, dan 15 (Jadual 2). Dalam keempat-empat item ini didapati peratusan jawapan positif adalah tinggi iaitu sebanyak 176 responden (80.0%), 174 responden (79.1%), 134 responden (60.9%), 140 responden (63.6%) dan min untuk item-item ini ialah 3.98, 3.90, 3.60 dan 3.56. Manakala dalam item 5, 30 dan 33 pula, responden hanya memberikan maklumbalas dalam tahap yang

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

sedehana sahaja. Ini dapat kita lihat melalui min yang sederhana tinggi untuk item 5, 30, 33 iaitu 3.21, 3.46 dan 3.16.

Responden memberikan maklumbalas yang lemah dalam item 28 dan min untuk item 28 adalah 2.73. Sebanyak 110 responden (50.0%) memberikan jawapan yang negatif mengenai pernyataan mereka ada membincangkan pengurusan masa dengan rakan mereka, 30 responden (13.6%)

JADUAL 2: JUMLAH SKOR 8 ITEM YANG ADA DI DALAM KATEGORI KEMAHIRAN KEMANUSIAAN
(* Item Berbentuk Negatif dan Telah Diubah Skor Kepada Positif)

Item	Kemahiran Kemanusiaan	Positif (4&5)		Tidak Pasti (3)		Negatif (1&2)		Min
		f	%	F	%	F	%	
*1	Saya tidak berani untuk menolak permintaan dari rakan saya walaupun permintaan itu mungkin akan membebankan saya	176	80.0	17	7.7	27	12.3	3.98
2	Saya akan menggalakkan rakan saya untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri	174	79.1	10	4.5	36	16.4	3.90
*5	Saya akan mengelakkan diri daripada diganggu oleh rakan-rakan bila ada tugas yang perlu saya siapkan	111	50.4	32	14.5	77	35.0	3.21
14	Saya dapat dicari oleh rakan saya apabila mereka ingin berbincang dengan saya	134	60.9	49	22.3	37	16.8	3.60
*15	Saya tidak menetapkan agenda apabila sedang berbincang dengan rakan-rakan	140	63.6	10	4.5	70	31.8	3.56
28	Saya ada membincangkan pengurusan masa dengan rakan saya	80	36.4	30	13.6	110	50.0	2.73
30	Saya akan menghadkan perbualan dengan rakan-rakan melalui telefon	139	63.1	16	7.3	65	29.5	3.46
*33	Apabila berbual dengan rakan-rakan, saya tidak akan menghadkan masanya	111	50.5	25	11.4	84	38.2	3.16

menyatakan mereka tidak pasti dan 80 responden (36.4%) memberikan jawapan positif. Min untuk 8 item yang digunakan untuk menguji kemahiran kemanusiaan ialah 3.45.

Analisis Kemahiran Pengurusan Masa Kategori Kemahiran Merancang

Dalam kategori kemahiran merancang pula (Jadual 3) responden telah menunjukkan maklumbalas yang sangat baik dalam item 40 dan min untuk item ini adalah 4.10. Terdapat 178 responden (80.9%) memberi jawapan yang positif mengenai kebolehan mereka untuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah mengikut keutamaan, 17 responden (7.7%) menyatakan mereka tidak pasti dan 25 responden (11.4%) memberikan jawapan negatif.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Selain itu, responden juga memberikan maklumbalas yang baik untuk item 3, 21 dan 29 dengan min untuk setiap item ini adalah 3.84, 3.67 dan 3.86. Untuk item 4, 12, 36 pula, responden hanya memberikan maklumbalas sederhana sahaja dan min untuk item-item ini adalah 3.41, 3.40 dan 3.39. Responden didapati memberikan maklumbalas yang lemah untuk item 13 dan min untuk item ini ialah 2.90. Terdapat 88 responden (40.0%) memberikan jawapan yang negatif iaitu mereka tidak menentukan rancangan televisyen yang akan mereka tonton, 51 responden (23.2%) menyatakan mereka tidak pasti dan 81 responden (36.8%) memberikan jawapan yang positif. Min untuk 8 item yang digunakan untuk menguji kemahiran merancang ialah 3.57.

JADUAL 3: JUMLAH SKOR 8 ITEM YANG ADA DI DALAM KATEGORI KEMAHIRAN MERANCANG
(* Item Berbentuk Negatif dan Telah Diubah Skor Kepada Positif)

Item	Kemahiran Merancang	Positif (4&5)		Tidak Pasti (3)		Negatif (1&2)		Min
		F	%	f	%	f	%	
3	Saya akan merancang percutian saya supaya ia menjimatkan masa	164	74.6	33	15.0	23	10.5	3.84
*4	Saya tidak menyenaraikan segala aktiviti yang perlu dilakukan oleh saya dalam satu minggu	131	59.6	27	12.3	62	28.2	3.41
*12	Saya belajar dengan tidak dirancang dan tidak menentu	121	55.0	31	14.1	68	30.9	3.40
*13	Saya tidak menentukan rancangan televisyen akan saya tonton	81	36.8	51	23.2	88	40.0	2.90
21	Meja belajar saya adalah dalam keadaan yang kemas dan teratur	138	62.7	45	20.5	37	16.9	3.67
29	Saya akan membahagikan masa belajar saya agar ia tidak hanya bertumpu kepada satu matapelajaran sahaja	179	81.4	18	8.2	23	10.4	3.86
36	Saya menggunakan jadual perancangan dalam menguruskan kegiatan harian saya	128	58.2	22	10.0	70	31.8	3.39
40	Tugasan yang diberikan oleh pensyarah akan diselesaikan oleh saya mengikut keutamaan	178	80.9	17	7.7	25	11.4	4.10

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Analisis Kemahiran Pengurusan Masa Kategori Kemahiran Membuat

Untuk kategori kemahiran membuat (Jadual 4), responden telah menunjukkan maklumbalas yang sangat baik untuk item 11 yang menyatakan mereka mementingkan ketepatan masa dalam membuat tugas.

JADUAL 4: JUMLAH SKOR 8 ITEM YANG ADA DI DALAM KATEGORI KEMAHIRAN MEMBUAT
(* Item Berbentuk Negatif dan Telah Diubah Skor Kepada Positif)

Item	Kemahiran Membuat	Positif (4&5)		Tidak Pasti (3)		Negatif (1&2)		Min
		F	%	F	%	F	%	
*9	Apabila berdepan dengan sesuatu krisis saya akan mencari jalan untuk mengelakkannya	138	62.7	14	6.4	68	30.9	3.43
10	Saya sentiasa menghabiskan sesuatu tugas sebelum pergi membuat tugas yang lain	177	80.4	10	4.5	33	15.1	3.93
11	Saya mementingkan ketepatan masa dalam membuat tugas	172	78.1	19	8.6	29	13.2	4.03
*20	Saya tidak akan mengelak dari membincangkan maklumat-maklumat yang tidak penting dalam mesyuarat	162	73.6	12	5.5	46	20.9	3.71
*22	Saya tidak membaca bahan bacaan ketika sedang menunggu rakan	100	45.4	12	5.5	108	49.1	2.90
23	Waktu Perdana saya digunakan oleh saya untuk belajar dan membuat tugas	150	68.2	23	10.5	47	21.4	3.82
*31	Sekiranya saya mengalami kebuntuan dalam melakukan sesuatu tugas, saya akan berpindah kepada tugas yang lain	144	65.5	19	8.6	57	25.9	3.58
*32	Saya tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah dalam tempoh masa yang telah ditetapkan	189	85.9	9	4.1	22	10	3.98

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Sebanyak 172 responden (78.1%) memberikan jawapan positif terhadap item ini, 19 responden (8.6%) menyatakan tidak pasti, 29 responden (13.2%) memberikan jawapan negatif dan min untuk item ini ialah 4.03. Di samping itu, responden turut memberikan maklumbalas yang baik untuk item 10, 20, 23, 31 dan 32. Min untuk kelima-lima item ini adalah 3.93, 3.71, 3.82, 3.58 dan 3.98. Responden telah menunjukkan maklumbalas yang sederhana untuk item 9 dengan min item ini ialah 3.43. Seramai 138 responden (62.7%) memberikan jawapan positif dan menyatakan mereka sanggup untuk menghadapi sesuatu krisis, 14 responden (6.4%) menyatakan tidak pasti dan 68 responden (30.9%) memberikan jawapan yang negatif. Responden telah memberikan maklumbalas lemah untuk item 22 dengan min ialah 2.90 dan sebanyak 108 responden (49.1%) memberikan jawapan negatif terhadap pernyataan mereka membaca bahan bacaan apabila mereka sedang menunggu rakan mereka, 12 responden (5.5%) menyatakan tidak pasti dan 100 responden (45.4%) memberikan jawapan positif. Min untuk semua item yang terdapat dalam kategori kemahiran membuat ialah 3.68.

JADUAL 5: JUMLAH SKOR 8 ITEM YANG ADA DI DALAM KATEGORI MOTIVASI KENDIRI
(* Item Berbentuk Negatif dan Telah Diubah Skor Kepada Positif)

Item	Motivasi Kendiri	Positif (4&5)		Tidak Pasti (3)		Negatif (1&2)		Min
		F	%	F	%	f	%	
7	Saya menyedari kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri saya	157	71.3	18	8.2	45	20.5	3.76
*8	Saya tidak menggunakan proses penyelesaian masalah sistematik dalam menyelesaikan masalah harian	115	52.2	52	23.6	53	24.1	3.34
16	Saya sentiasa bertanya kepada diri sendiri samada saya telah menggunakan masa yang ada dengan optimum	157	71.3	24	10.9	39	17.7	3.67
18	Walaupun tugas saya banyak, saya masih memperuntukkan masa bagi saya berehat	185	84.1	13	5.9	22	10	3.97
19	Selepas melaksanakan sesuatu tugas dengan berjaya, saya akan memberikan ganjaran kepada diri saya	166	75.5	38	17.3	16	7.3	4.03
25	Saya sentiasa menilai penggunaan masa saya	108	49.1	49	22.3	63	28.6	3.40
27	Saya ada memperuntukkan masa bagi memikirkan sesuatu perkara dengan lebih mendalam	148	67.3	25	11.4	47	21.3	3.66
*39	Saya tidak menyedari perkara-perkara yang saya berminat untuk lakukan	170	77.3	19	8.6	31	14.1	3.96

Analisis Kemahiran Pengurusan Masa Kategori Motivasi Kendiri

Bagi kemahiran pengurusan masa kategori motivasi kendiri (Jadual 5), responden didapati memberikan maklumbalas yang sangat baik untuk item 19 iaitu mereka akan memberikan ganjaran kepada diri sendiri selepas melaksanakan sesuatu tugas dengan berjaya. Sebanyak 166 responden (75.5%) memberikan jawapan positif terhadap item ini, 38 responden (17.3%) menyatakan mereka tidak pasti, 16 responden (7.3%) memberikan jawapan negatif dan min untuk item ini ialah 4.03.

Responden juga didapati memberikan maklumbalas yang baik untuk item 7, 16, 18, 27 dan 39. Min yang diberikan oleh responden untuk kelima-lima item ini adalah 3.76, 3.67, 3.97, 3.66 dan 3.96. Di samping itu, responden memberikan maklumbalas yang sederhana untuk item 8, 25 dan min untuk kedua item ini ialah 3.34 dan 3.40. Dalam item 8, terdapat 115 responden (52.2%) memberikan jawapan positif terhadap pernyataan mereka menggunakan proses penyelesaian masalah yang sistematik dalam menyelesaikan masalah harian mereka, 52 responden (23.6%) menyatakan bahawa mereka tidak pasti dan 53 responden (24.1%) memberikan jawapan negatif terhadap item ini. Bagi item 25 pula, 108 responden (49.1%) memberikan jawapan positif mengenai kekerapan mereka menilai penggunaan masa mereka, 49 responden (22.3%) menyatakan mereka tidak pasti dan 63 responden (28.6%) memberikan jawapan negatif. Secara keseluruhan, min untuk 8 item yang digunakan untuk mengukur kategori motivasi kendiri adalah 3.72.

Analisis Kemahiran Pengurusan Masa Kategori Inovasi

Untuk kategori inovasi pula (Jadual 6), responden memberikan maklumbalas yang sangat baik untuk item 6 dan 37. Bagi item 6 terdapat 177 responden (80.5%) memberikan jawapan positif mengenai pernyataan yang menyatakan mereka akan mencari kaedah penyelesaian yang terbaik apabila mereka menghadapi masalah, 22 responden (10.0%) menyatakan mereka tidak pasti dan 21 responden (9.5%) memberikan jawapan negatif.

Manakala untuk item 37 pula, 192 responden (87.3%) memberikan jawapan positif terhadap kenyataan mereka mengetahui tempat yang boleh mereka mendapatkan maklumat dalam membuat tugas, 10 responden (4.5%) menyatakan mereka tidak pasti dan 18 responden (8.2%) memberikan jawapan negatif. Di samping itu, responden juga menunjukkan maklumbalas yang baik bagi item 24, 26, 34 dan 38. Min yang ditunjukkan oleh responden untuk keempat-empat item ini ialah 3.82, 3.66, 3.81 dan 3.65.

Responden turut memberikan maklumbalas yang sederhana untuk item 17 dengan min item tersebut ialah 3.42. Seramai 122 responden (55.5%) responden memberikan jawapan positif tentang kenyataan mereka akan mempersoalkan amalan-amalan tradisional, 47 responden (21.4%) menyatakan tidak pasti dan 51 responden (23.1%) memberikan jawapan negatif terhadap item ini.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

JADUAL 6: JUMLAH SKOR 8 ITEM YANG ADA DI DALAM KATEGORI INOVASI
 (* Item Berbentuk Negatif dan Telah Diubah Skor Kepada Positif)

Item	Inovasi	Positif (4&5)		Tidak Pasti (3)		Negatif (1&2)		Min
		f	%	f	%	f	%	
6	Apabila menghadapi masalah, saya akan mencari kaedah penyelesaian yang terbaik	177	80.5	22	10.0	21	9.5	4.03
*17	Saya tidak mempersoalkan amalan-amalan tradisional	122	55.5	47	21.4	51	23.1	3.42
*24	Saya tidak menggunakan peralatan-peralatan yang menjimatkan masa apabila sedang membuat kerja	161	73.2	19	8.6	40	18.2	3.82
26	Saya sentiasa mencari jalan untuk melakukan sesuatu kerja dengan menggunakan masa yang minimum	156	70.9	23	10.5	41	18.6	3.66
*34	Saya tidak peka terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling saya	163	74.1	34	15.5	23	10.5	3.81
35	Saya sentiasa membincangkan idea baru dengan rakan-rakan	85	38.6	40	18.2	95	43.2	2.92
37	Saya mengetahui tempat yang boleh saya memperolehi maklumat dalam membuat tugas	192	87.3	10	4.5	18	8.2	4.16
*38	Saya tidak berbincang dengan rakan-rakan di luar masa kuliah mengenai pembelajaran yang baru diajarkan oleh pensyarah	152	69.1	11	5.0	57	25.9	3.65

Responden memberikan maklumbalas yang lemah untuk item 35 dengan min untuk item ini ialah 2.92. Terdapat 85 responden (38.6%) memberikan jawapan positif terhadap pernyataan mereka sering membincangkan idea baru dengan rakan-rakan mereka, 40 responden (18.2%) menyatakan tidak pasti dan 95 responden (43.2%) memberikan jawapan negatif bagi item ini. Min untuk semua item yang terdapat dalam kategori inovasi ialah 3.70.

Bagi menganalisis perkaitan di antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik responden, min markah untuk lima kategori pengurusan masa akan dikira. Min markah responden akan dipecahkan kepada empat kategori iaitu Sangat Baik (4-5), Baik (3-4), Sederhana (2-3) dan Lemah (<2). Selepas itu, min markah ini akan dibuat Jadual Rentas untuk melihat hubungkait pengurusan masa dengan pencapaian akademik responden berdasarkan CPA/GPA.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Analisis Perkaitan Di Antara Min Markah Kategori Kemahiran Kemanusiaan Dengan Keputusan CPA/GPA Responden

Dari Jadual 7, kajian dibuat untuk mengkaji perkaitan antara min markah responden dalam kategori kemahiran kemanusiaan dengan pencapaian akademik mereka berdasarkan keputusan CPA/GPA.

JADUAL 7: JADUAL RENTAS MIN MARKAH KATEGORI KEMAHIRAN KEMANUSIAAN DENGAN KEPUTUSAN CPA/GPA RESPONDEN

Min Markah Kategori Kemahiran Kemanusiaan	Keputusan CPA/GPA				Jumlah
	3.5-4.0	3.0-3.49	2.5-2.99	<2.5	
Sangat Baik (4-5)	Bilangan	17	33	1	51
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Kemanusiaan	33.3%	64.7%	2.0%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	45.9%	27.5%	2.0%	23.2%
	Jumlah %	7.7%	15.0%	0.5%	23.2%
Baik (3-4)	Bilangan	20	84	3	107
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Kemanusiaan	18.7%	78.5%	2.8%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	54.1%	70.0%	6.1%	48.6%
	Jumlah %	9.1%	38.2%	1.4%	48.6%
Sederhana (2-3)	Bilangan		3	37	8
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Kemanusiaan		6.3%	77.1%	16.7%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA		2.5%	75.5%	57.1%
	Jumlah %		1.4%	16.8%	3.6%
Lemah (<2)	Bilangan			8	6
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Kemanusiaan			57.1%	42.9%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA			16.3%	42.9%
	Jumlah %			3.7%	2.7%
Jumlah	Bilangan	37	120	49	14
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Kemanusiaan	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
	Jumlah %	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Didapati 51 responden (23.2%) berada dalam kategori kemahiran kemanusiaan yang sangat baik dengan mendapat min markah 4.0 hingga 5.0. Dari jumlah ini, 17 responden (33.3%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang iaitu CPA/GPA 3.50 hingga 4.0, 33 responden (64.7%) mempunyai keputusan akademik yang baik iaitu CPA/GPA 3.00 hingga 3.49, ini diikuti dengan seorang responden (2%) untuk keputusan akademik yang memuaskan CPA/GPA 2.50 hingga 2.99.

Terdapat 107 responden (48.6%) mempunyai min kategori kemahiran kemanusiaan yang baik dengan 20 responden (18.7%) mempunyai pencapaian akademik cemerlang, 84 responden (78.5%) pencapaian akademik yang baik dan 3 responden (2.8%) pencapaian akademik sederhana. Ini diikuti dengan 48 responden (21.8%) yang berada di dalam kategori kemahiran kemanusiaan sederhana.

Dari jumlah ini, hanya 3 responden (6.3%) mendapat pencapaian akademik yang baik, 37 responden (77.1%) bagi pencapaian akademik sederhana dan 8 responden (16.7%) mempunyai pencapaian akademik yang lemah iaitu CPA/GPA kurang dari 2.50. Hanya terdapat 14 responden (6.4%) berada dalam kategori kemahiran kemanusiaan yang lemah dengan 8 responden (57.1%) mempunyai pencapaian akademik yang sederhana dan 6 responden (42.9%) untuk pencapaian akademik yang lemah.

Analisis Perkaitan Di Antara Min Markah Kategori Kemahiran Merancang Dengan Keputusan CPA/GPA Responden

Dari dapatan yang diperolehi dari Jadual 8, didapati 57 responden (25.9%) berada di dalam kategori kemahiran merancang yang sangat baik dengan 21 responden (36.8%) memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang, ini dituruti dengan 35 responden (61.4%) untuk pencapaian akademik yang baik dan seorang responden (1.8%) mempunyai pencapaian akademik sederhana. Manakala hasil kajian ini turut mendapati seramai 107 responden (48.6%) berada di dalam kategori kemahiran merancang yang baik, 16 responden (15.0%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, 84 responden (78.5%) bagi pencapaian akademik baik dan 7 responden (6.5%) bagi pencapaian akademik sederhana.

Di samping itu, didapati juga 50 responden (22.7%) berada di dalam kategori kemahiran merancang yang sederhana dan dari 50 responden ini hanya seorang responden (2.0%) sahaja yang mempunyai pencapaian akademik baik, 39 responden (78.0%) bagi pencapaian akademik yang sederhana dan 10 responden (20.0%) mempunyai pencapaian akademik yang lemah. Seramai 6 responden (2.7%) mempunyai kemahiran merancang yang lemah dengan 2 responden (33.3%) mempunyai pencapaian akademik yang sederhana dan 4 responden (66.7%) mempunyai pencapaian akademik yang lemah.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

JADUAL 8: JADUAL RENTAS MIN MARKAH KATEGORI KEMAHIRAN MERANCANG DENGAN KEPUTUSAN CPA/GPA RESPONDEN

Min Markah Merancang	Kategori Kemahiran	Keputusan CPA/GPA				Jumlah
		3.5-4.0	3.0-3.49	2.5-2.99	<2.5	
Sangat Baik (4-5)	Bilangan	21	35	1		57
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Merancang	36.8%	61.4%	1.8%		100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	56.8%	29.2%	2.0%		25.9%
	Jumlah %	9.5%	15.9%	0.5%		25.9%
Baik (3-4)	Bilangan	16	84	7		107
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Merancang	15.0%	78.5%	6.5%		100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	43.2%	70.0%	14.3%		48.6%
	Jumlah %	7.3%	38.2%	3.2%		48.6%
Sederhana (2-3)	Bilangan		1	39	10	50
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Merancang		2.0%	78.0%	20.0%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA		8.0%	79.6%	71.4%	22.7%
	Jumlah %		0.5%	17.7%	4.5%	22.7%
Lemah (<2)	Bilangan			2	4	6
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Merancang			33.3%	66.7%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA			4.1%	28.6%	2.7%
	Jumlah %			0.9%	1.8%	2.7%
Jumlah	Bilangan	37	120	49	14	220
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Merancang	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
	Jumlah %	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Analisis Perkaitan Di Antara Min Markah Kategori Kemahiran Membuat Dengan Keputusan CPA/GPA Responden

Jadual 9 menerangkan perkaitan antara min markah responden dalam kategori kemahiran membuat dengan pencapaian akademik mereka.

JADUAL 9: JADUAL RENTAS MIN MARKAH KATEGORI KEMAHIRAN MEMBUAT DENGAN KEPUTUSAN CPA/GPA RESPONDEN

Min Markah Kategori Kemahiran Membuat	Keputusan CPA/GPA				Jumlah	
	3.5-4.0	3.0-3.49	2.5-2.99	<2.5		
Sangat Baik (4-5)	Bilangan	28	53	2	83	
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Membuat	33.7%	63.9%	2.4%	100.0%	
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	75.7%	44.2%	4.1%	37.7%	
	Jumlah %	12.7%	24.1%	0.9%	37.7%	
Baik (3-4)	Bilangan	8	64	7	79	
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Membuat	10.1%	81.0%	8.9%	100.0%	
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	21.6%	53.3%	14.3%	35.9%	
	Jumlah %	3.6%	29.1%	3.2%	35.9%	
Sederhana (2-3)	Bilangan	1	3	38	14	56
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Membuat	1.8%	5.4%	67.9%	25.0%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	2.7%	2.5%	77.6%	100.0%	25.5%
	Jumlah %	0.5%	1.4%	17.3%	6.4%	25.5%
Lemah (<2)	Bilangan			2	2	
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Membuat			100.0%	100.0%	
	% Dalam Keputusan CPA/GPA			4.1%		0.9%
	Jumlah %			0.9%		0.9%
Jumlah	Bilangan	37	120	49	14	220
	% Dalam Min Markah Kategori Kemahiran Membuat	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
	Jumlah %	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Daripada 220 responden sampel kajian, didapati 83 responden (37.7%) mempunyai kemahiran membuat yang sangat baik dengan 28 responden (33.7%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, 53 responden (63.9%) untuk pencapaian akademik yang baik dan 2 responden (2.4%) bagi pencapaian akademik yang sederhana.

Kajian juga menunjukkan terdapat 79 responden (35.9%) berada di kategori kemahiran membuat yang baik dan sebanyak 8 responden (10.1%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, 64 responden (81.0%) bagi pencapaian akademik baik, 7 responden (8.9%) untuk pencapaian akademik sederhana. Terdapat 56 responden (25.5%) berada di dalam kategori kemahiran membuat yang sederhana dan dari jumlah ini hanya seorang responden (1.8%) sahaja mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, 3 responden (5.4%) bagi pencapaian akademik baik, 38 responden (67.9%) untuk pencapaian akademik yang sederhana dan 14 responden (25.0%) mempunyai pencapaian akademik yang lemah. Hanya terdapat 2 responden (0.9%) yang mempunyai kemahiran membuat lemah dan kedua-dua responden ini adalah mempunyai pencapaian akademik yang sederhana sahaja.

Analisis Perkaitan Di Antara Min Markah Kategori Motivasi Kendiri Dengan Keputusan CPA/GPA Responden

Dari Jadual 10 pengkaji mendapati terdapat 98 responden (44.5%) mempunyai motivasi sendiri yang sangat baik dan dari 98 responden ini, 27 responden (27.6%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang dan 71 responden (72.4%) untuk pencapaian akademik yang baik. Selain itu, 63 responden (28.6%) berada di kategori motivasi sendiri baik dengan 10 responden (15.9%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, ini diikuti dengan 48 responden (76.2%) bagi pencapaian akademik baik dan 5 responden (7.9%) untuk pencapaian akademik yang sederhana.

Kajian juga menunjukkan terdapat seramai 54 responden (24.5%) yang berada di julat motivasi sendiri yang sederhana. Dari jumlah ini, hanya seorang responden (1.9%) mempunyai pencapaian akademik yang baik, 40 responden (74.1%) untuk pencapaian akademik sederhana dan 13 responden (24.1%) bagi pencapaian akademik yang lemah. Di samping itu, terdapat 5 responden (2.3%) berada di kategori motivasi sendiri yang lemah dan 4 responden (80.0%) adalah mempunyai pencapaian akademik yang sederhana, hanya seorang responden (20.0%) sahaja yang mempunyai pencapaian akademik yang lemah.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

JADUAL 10: JADUAL RENTAS MIN MARKAH KATEGORI MOTIVASI KENDIRI DENGAN KEPUTUSAN CPA/GPA RESPONDEN

Min Markah Kategori Motivasi Kendiri		Keputusan CPA/GPA				Jumlah
		3.5-4.0	3.0-3.49	2.5-2.99	<2.5	
Sangat Baik (4-5)	Bilangan	27	71			98
	% Dalam Min Markah Kategori Motivasi Kendiri	27.6%	72.4%			100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	73.0%	59.2%			44.5%
	Jumlah %	12.3%	32.2%			44.5%
Baik (3-4)	Bilangan	10	48	5		63
	% Dalam Min Markah Kategori Motivasi Kendiri	15.9%	76.2%	7.9%		100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	27.0%	40.0%	10.2%		28.6%
	Jumlah %	4.5%	21.8%	2.3%		28.6%
Sederhana (2-3)	Bilangan		1	40	13	54
	% Dalam Min Markah Kategori Motivasi Kendiri		1.9%	74.1%	24.1%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA		0.8%	81.6%	92.9%	24.5%
	Jumlah %		0.5%	18.2%	5.9%	24.5%
Lemah (<2)	Bilangan			4	1	5
	% Dalam Min Markah Kategori Motivasi Kendiri			80.0%	20.0%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA			8.2%	7.1%	2.3%
	Jumlah %			1.8%	0.5%	2.3%
Jumlah	Bilangan	37	120	49	14	220
	% Dalam Min Markah Kategori Motivasi Kendiri	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
	Jumlah %	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%

Analisis Perkaitan Di Antara Min Markah Kategori Inovasi Dengan Keputusan CPA/GPA Responden

Jadual 11 menerangkan perkaitan antara min markah responden dalam kategori inovasi dengan pencapaian akademik mereka berdasarkan keputusan CPA/GPA. Dapatan kajian ini mendapati 68 responden (30.9%) mempunyai inovasi yang sangat baik dengan 18 responden (26.5%) mendapat keputusan akademik yang cemerlang dan 50 responden (73.5%) untuk pencapaian akademik yang

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

baik. Terdapat 108 responden (49.1%) berada di kategori inovasi yang baik dan 19 responden (17.6%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, 66 responden (61.1%) bagi pencapaian akademik baik, 16 responden (14.8%) mendapat keputusan akademik sederhana dan 7 responden (6.5%) memperoleh pencapaian akademik lemah.

JADUAL 11: JADUAL RENTAS MIN MARKAH KATEGORI INOVASI DENGAN KEPUTUSAN CPA/GPA RESPONDEN

Min Markah Kategori Inovasi		Keputusan CPA/GPA				Jumlah
		3.5-4.0	3.0-3.49	2.5-2.99	<2.5	
Sangat Baik (4-5)	Bilangan	18	50			68
	% Dalam Min Markah Kategori Inovasi	26.5%	73.5%			100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	48.6%	41.7%			30.9%
	Jumlah %	8.2%	22.7%			30.9%
Baik (3-4)	Bilangan	19	66	16	7	108
	% Dalam Min Markah Kategori Inovasi	17.6%	61.1%	14.8%	6.5%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	51.4%	55.0%	32.7%	50.0%	49.1%
	Jumlah %	8.6%	30.0%	7.3%	3.2%	49.1%
Sederhana (2-3)	Bilangan		4	27	5	36
	% Dalam Min Markah Kategori Inovasi		11.1%	75.0%	13.9%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA		3.3%	55.1%	35.7%	16.4%
	Jumlah %		1.8%	12.2%	2.27%	16.4%
Lemah (<2)	Bilangan			6	2	8
	% Dalam Min Markah Kategori Inovasi			75.0%	25.0%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA			12.2%	14.3%	3.6%
	Jumlah %			2.7%	0.9%	3.6%
Jumlah	Bilangan	37	120	49	14	220
	% Dalam Min Markah Kategori Inovasi	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%
	% Dalam Keputusan CPA/GPA	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
	Jumlah %	16.8%	54.5%	22.3%	6.4%	100.0%

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Kajian mendapati terdapat 36 responden (16.4%) mempunyai inovasi yang sederhana, dari jumlah ini hanya terdapat 4 responden (11.1%) memperolehi pencapaian akademik yang baik, 27 responden (75.0%) mendapat pencapaian akademik sederhana dan 5 responden (13.9%) bagi pencapaian akademik lemah. Di samping itu, terdapat 8 responden (3.6%) yang berada di dalam kategori inovasi lemah dengan 6 responden (75.0%) adalah memperolehi pencapaian akademik sederhana dan 2 responden (25.0%) mendapat keputusan akademik lemah.

PERBINCANGAN

Dalam pengurusan masa kategori kemahiran kemanusiaan, responden didapati memberikan maklumbalas yang sederhana iaitu min untuk 8 item ini adalah 3.45. Kajian ini mendapati ramai responden memberikan jawapan positif bagi item 1, 2, 14 dan 15. Namun demikian, 50.0% responden memberikan jawapan negatif terhadap item 28 iaitu mereka tidak akan membincangkan pengurusan masa dengan rakan-rakan mereka. Dapatan ini dapat dirujuk pada Jadual 4.5. Secara umumnya, kajian mendapati responden hanya mempunyai kebolehan kemanusiaan yang sederhana dalam berkomunikasi mereka dengan manusia di persekitaran mereka.

Menurut Lewis (1991), satu lagi kategori yang mesti diambilkira dalam menilai kemahiran pengurusan masa ialah kemahiran merancang. Dalam kategori ini, responden memberikan respons yang baik dan min untuk kategori ini adalah 3.57. Didapati sebilangan besar responden memberikan jawapan positif bagi item 3, 21 dan 29, tetapi responden memberikan jawapan negatif untuk item 13. Responden didapati jarang menentukan rancangan televisyen akan mereka tonton dan mereka kurang menggunakan jadual perancangan dalam menguruskan kegiatan harian mereka. Dapatan ini dapat dirujuk pada Jadual 3. Kajian menunjukkan responden mempunyai kemahiran merancang yang baik dalam menguruskan perkara-perkara akademik dan harian mereka.

Dalam kajian ini, responden memberikan maklumbalas yang baik dalam item 10, 20, 23, 31 dan 32. Responden memberikan jawapan positif terhadap perkara-perkara seperti mereka mementingkan ketepatan masa dalam membuat tugas, mengelakkan dari membincangkan maklumat yang tidak penting dalam mesyuarat, menggunakan masa perdana untuk belajar dan membuat tugas, tetap melaksanakan tugas walaupun mengalami sedikit kebuntuan dan dapat menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah dalam masa yang ditetapkan. Namun demikian, responden didapati memberikan jawapan negatif untuk item 22 iaitu mereka jarang membaca bahan bacaan ketika sedang menunggu rakan. Dapatan ini dapat dirujuk pada Jadual 4. Kajian ini telah menunjukkan responden mempunyai kemahiran membuat yang baik dengan min markah untuk kategori ini ialah 3.68.

Kajian ini telah menunjukkan responden memberikan maklumbalas yang baik untuk item 7, 16, 18, 27 dan 39. Majoriti responden memberikan jawapan positif terhadap kenyataan-kenyataan yang berkaitan dengan motivasi sendiri seperti mereka menyedari kekuatan dan kelemahan diri sendiri, bertanya kepada diri sendiri samada telah menggunakan masa dengan optimumnya,

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

memperuntukkan masa untuk berehat walaupun tugas banyak, memperuntukkan masa bagi memikirkan sesuatu perkara dengan lebih teliti dan menyedari perkara-perkara yang mereka berminat untuk melakukannya. Tetapi responden memberikan maklumbalas yang lemah dalam item 8 dan 25 iaitu mereka menggunakan proses penyelesaian masalah sistematik dalam menyelesaikan masalah harian dan menilai penggunaan masa mereka. Dapatan ini dapat dirujuk pada Jadual 5. Secara kesimpulannya, kajian menunjukkan responden mempunyai motivasi sendiri yang sangat baik dengan min markah ia adalah 3.72.

Untuk kategori terakhir inovasi pula, kajian mendapati responden memberikan jawapan positif kepada item 6, 24, 26, 34, 37 dan 38. Majoriti responden menyatakan persetujuan terhadap kenyataan-kenyataan yang menguji taraf inovasinya iaitu mereka akan mencari kaedah penyelesaian masalah yang terbaik apabila menghadapi masalah, menggunakan peralatan-peralatan yang menjimatkan masa apabila sedang membuat kerja, mencari jalan untuk melakukan sesuatu dengan menggunakan masa yang minimum, peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling, mengetahui tempat yang boleh mereka memperolehi maklumat dalam membuat tugas dan membincangkan pembelajaran di luar masa kuliah dengan rakan-rakan. Responden memberikan jawapan negatif kepada item 35 iaitu mereka sentiasa membincangkan idea baru dengan rakan-rakan. Dapatan ini dapat dirujuk pada Jadual 6. Secara umumnya, kajian menunjukkan responden mempunyai inovasi yang baik dengan min untuk kategori ini adalah 3.70.

PENUTUP

Dapatan kajian ini telah menunjukkan kepada pengkaji bahawa responden kajian iaitu 220 pelajar-pelajar UTM adalah mempunyai pola kemahiran pengurusan masa yang baik. Pola kemahiran pengurusan masa ini telah dibahagikan kepada 5 kategori seperti yang disarankan oleh Lewis (1991) iaitu kemahiran kemanusiaan, kemahiran merancang, kemahiran membuat, motivasi sendiri dan inovasi.

Dari 5 kategori ini, responden didapati mempunyai motivasi sendiri yang paling tinggi dengan min untuk kategori ini ialah 3.72, ini disusuli dengan kategori inovasi iaitu min 3.70, kategori kemahiran membuat dengan min 3.68, kategori kemahiran merancang iaitu min 3.57 dan akhirnya kategori kemahiran kemanusiaan dengan min 3.45. Min bagi setiap responden untuk kelima-lima kategori ini adalah sebanyak 3.62 dan ini berada di tahap yang baik.

Ini adalah penting memandangkan tugas responden sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi, mereka harus memastikan masa yang ada itu telah digunakan dengan penuh berfaedah kepada dirinya. Pandangan yang sama juga telah diutarakan oleh Hafidzi (1991), di mana beliau menyatakan seseorang pelajar perlu menghargai masa dan menguruskannya sebaik mungkin kerana kemahiran pengurusan masa yang baik merupakan pra-syarat kepada kejayaan yang dicita-citakan.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

Manakala untuk pencapaian akademik pula, responden didapati mempunyai tahap akademik yang baik. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai pencapaian akademik iaitu CPA/GPA di antara julat 3.0-3.49, ini dituruti dengan CPA/GPA 2.5-2.99 serta CPA/GPA 3.5-4.0 dan akhir sekali CPA/GPA kurang daripada 2.5. Selain itu, bagi melihat perkaitan di antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik responden. Pengkaji telah membuat jadual rentas di antara 5 kategori kemahiran pengurusan masa dengan pencapaian akademik responden berdasarkan CPA/GPA.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden yang mempunyai pencapaian akademik yang baik adalah mereka yang mempunyai min markah untuk 5 kategori kemahiran pengurusan masa yang tinggi iaitu julat di antara 3.0 hingga 5.0. Ini telah membuktikan responden yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang lazimnya adalah mereka yang pandai mengatur masa belajar, membuat kerja dan menentukan prioriti.

Dallam dan Hoyt (1981), menyatakan ada kaitan yang signifikan masa pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar. Kedua-dua tokoh ini merumuskan kemahiran pengurusan masa yang berkesan akan menyebabkan pelajar bijak merancang dan mengatur masa belajar dan membuat kerja mereka dengan lebih baik. Ini secara tidak langsung akan membantu pelajar meningkatkan tahap akademik mereka.

Pandangan yang sama juga diutarakan oleh Tifla (1989) dalam pembentangan kertas kerjanya mengenai pengurusan masa, di mana beliau menyatakan bahawa untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran, seseorang pelajar itu perlu mempunyai kebolehan menguruskan masanya dengan baik. Selain itu, pelajar itu sendiri perlu mempunyai azam dan motivasi yang tinggi untuk berjaya dalam bidang akademik.

Di samping itu, kajian menunjukkan terdapat juga segelintir responden yang mempunyai pencapaian akademik yang baik tetapi hanya mempunyai min untuk 5 kategori kemahiran pengurusan masa yang sederhana sahaja. Ini adalah kerana pencapaian akademik seseorang pelajar adalah sangat subjektif dan bergantung kepada banyak faktor luaran dan dalaman pelajar.

Manscill dan Rollins (1985) telah mengkaji perkaitan di antara faktor dalaman pelajar seperti pengaruh keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini telah dijalankan ke atas 368 orang pelajar dan hasil kajian menunjukkan wujud perkaitan yang positif di antara pengaruh keluarga ke atas pencapaian akademik pelajar. Mereka juga mendapati pembolehubah latar belakang keluarga seperti taraf pendidikan, status pekerjaan dan gaya hidup ibubapa boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Fatah Hasan (1990). *Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Johor Baharu: Unit Penerbit Akademik UTM.
- Blum, M.L. dan Foos, P.W. (1986). *Data Gathering: Experimental Methods Plus*. New York: Harper and Row.
- Dallam, J.W. dan Hoyt, D.P (1981). *Do Students Have Enough Time To Study*. Research Report: Office of Educational Research, Kansas State University.
- Drucker, P.F. (1996). *The Effective Executive*. New York: Harper and Row.
- Good. C.K. (ed). *Dictionary of Education*. New York: Macgraw Hill.
- Hafidzi Mohd Noor (1991). *Ciri-ciri Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Sabha PTP Services Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah (Ed). (1994). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi 6*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulung (1977). Masalah-masalah Pelajar Sekolah Menengah. *Journal Pendidikan* 1(3); 44-56.
- Hayrus, M. (1989). *Make Every Minute Count, How to Manage Your Time Effectively*. London: Crisp Publication.
- Jack, D. F. (1980). *Successful Time Management*. North Carolina: Data Publication.
- Kalish, R.A. (1979). *Guide To Effective Study*. Monterey: Brooks and Cole Publishing.
- Manscill dan Rollins (1985). Family Correlates of Self-Estreem and Academic Achievement In Adolescents Youth. *American Educational Research Journal*, 28 (2), 221-227.
- Marimuthu, T (1990). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Baharu: Penerbit UTM.

PERKAITAN ANTARA PENGURUSAN MASA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR UTM

- Mohd Sheffie Abu Bakar (1995). *Metodologi Penyelidikan. Edisi Kedua*. Bangi: UKM.
- Mohd. Yusoff (1983). Sejauhmanakah Penglibatan Murid-murid dalam Kegiatan Ko-kurikulum Di Sekolah Mempengaruhi Pencapaian Akademik. Projek Khas Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. UPM.
- Noraini Ahmad (1994). *Pengurusan Masa*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Ralph, L. (1991). *Time Management: Participant's Guide*. London: Kogan Page.
- Sulaiman Masri (1996). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Suradi Salim (1991). Tinjauan Sikap dan Tabiat Belajar Pelajar-pelajar Sek. Men. Negeri Selangor. *Jurnal Pendidikan*, 3(2), 77-90.
- Taylor, B.M. dan Maruyama, G. (1990). Time Spent Reading and Reading Growth. *American Educational Research Journal*, 5(3), 351-362.
- Tifla bin Zakaria (1989). Pengurusan Masa Secara Praktikal. Kertas Kerja Khusus Pengurusan Masa Anjuran Mahasiswa UTM. Kuala Lumpur.
- Wiley, D. E. (1978). Explosion of a Myth: Quality of School and Exposure to Instruction. *Education Research*, 2(1), 7-12.